
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HMT 329 – ANALISIS KONTRASTIF BAHASA-BAHASA
DI MALAYSIA**

Masa : 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

1. Berdasarkan **Data I**, bincangkan perbezaan proses fonologi pengandaan separa antara bahasa Melayu baku dengan dialek Perak. Huraian anda hendaklah berdasarkan teori autosegmental.

Data I: Pengandaan Separa

Struktur Dalaman	Bahasa Melayu Baku	Dialek Perak	Ejaan
/pətaŋ-pətaŋ/	[pəpətaŋ]	[pəmpətaŋ]	pepetang
/budak-budak/	[bəbudaʔ]	[bəʔbudaʔ]	bebudak

Tajul Aripin (2005:172)

(25 markah)

Bahagian B

2. Jawab soalan (a) dan (b).
- (a) Bincangkan perbezaan pendapat Song (2001) dan Carl (1997) tentang analisis kontrastif. Perbincangan anda hendaklah diikuti dengan contoh yang sesuai daripada mana-mana bahasa di Malaysia.
(18 markah)
- (b) Jawab soalan (i) dan (ii).
- (i) Apakah perbezaan atau persamaan antara analisis kontrastif dan tipologi bahasa. Jelaskan dengan contoh yang sesuai.
(6 markah)
- (ii) Tipologi kualitatif dan tipologi teoritikal adalah saling berkaitan (Bickel). Jelaskan dengan contoh yang sesuai.
(8 markah)

3. Pilih TIGA bahasa daripada (a) – (f). Jelaskan setiap bahasa tersebut dengan menggunakan mana-mana aspek linguistik (frasa nama, kata kerja, kata nama, kata gandaan, morfem dan fonem) berdasarkan contoh-contoh daripada data sebenar.
- (a) Bahasa Bisaya (6 markah)
 - (b) Bahasa Mandarin (6 markah)
 - (c) Bahasa Baba (6 markah)
 - (d) Bahasa Tamil (6 markah)
 - (e) Bahasa Hakka (6 markah)
 - (f) Dialek Melayu (mana-mana dialek) (6 markah)

4. Jawab soalan (a) – (c).
Jelaskan setiap konsep dengan menggunakan Data 2.

Data 2

<p style="text-align: center;">Tips Membersih 'Note Book'</p> <p>Sebelum pembersihan notebook dapat dilakukan, pastikan anda menutupnya dan mencabut sambungan kepada bekalan tenaga dan mengeluarkan baterinya.</p> <p>Antara bahagian yang boleh dibersihkan adalah bahagian luaran, ruang bukaan notebook itu, papan kekunci dan tetikus.</p> <p>Pembersihan boleh dimulakan di bahagian luar menggunakan kain lembap. Penggunaan cecair pembersih rumah tidak digalakkan walaupun di bahagian luaran kerana ia boleh menyebabkan kerosakan kepada komponen notebook.</p> <p>Jika penggunaan air tidak dibenarkan di sesetengah bahagian, cuci dengan perlahan bahagian luarannya menggunakan alkohol yang dibenarkan.</p> <p>Langkah berikutnya ialah membersihkan bahagian bukaan notebook.</p> <p>Ia juga perlu bagi mengelakkan notebook menjadi terlalu panas berpunca daripada habuk, kotoran lain yang terperangkap dan menyekat peredaran udara.</p> <p>Bahagian yang dimaksudkan adalah ruangan yang sering kali ditempatkan di bahagian tepi, bawah dan belakang notebook.</p> <p>Pembersihan ruangan itu mudah dilakukan dengan hanya menggunakan putik kapas dan udara mampat.</p> <p>http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Saturday/Gajet/20080112092554/Article/</p> <p>Diubahsuai daripada Berita Harian, 22 Januari 2008.</p>	<p style="text-align: center;">Tangkir Dalam Kamus Bahasa Iban-Bahasa Melayu</p> <p>Tangkir – sambungan; bahagian tambahan (pd rumah, kebun, percakapan dll); wang agi diguna dikena ngaga ~ rumahnya wang masih diperlukan utk membina sambungan rumah itu: ~ jako sambungan percakapan;</p> <p>Bertangkir bersambung (sebelah-menyebelah): rumah seduai iya ~ rumah mereka berdua sebelah-menyebelah: berita ke dituso iya nya enda ~ berita yang diceritakan itu tidak bersambung: umai kami ke tangkir-tangkir ladang kami bersambung-sambung.</p> <p>Nangkir 1 menyambung; menambah; menokok-tambah; ~ kebun awak ka besai agi menyambung kebun supaya lebih besar: anang ~ jako kami jangan menokok-tambah percakapan kami; aku agi ~ parau tu saya masih menimbau perahu ini; 2 menyertai: anang ~ orang berandau enti enda dibai jangan menyertai orang berbual kalau tidak dijemput; 3 melarat (bkn penyakit);</p> <p>Nangkirka menambah kpd : iya ~ papan dia menyambung papan kpd.</p> <p>Diubahsuai daripada:</p> <p>Kamus Bahasa Iban-Bahasa Malaysia, 1999, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia. ms. 356</p>
--	---

- (a) Penanda Kasus (12 markah)
- (b) Ergatif (6 markah)
- (c) Analitik (7 markah)